

HERENG HITAM
Cinereous Vulture

FAMILI: Accipitridae
NAMA SAINTIFIK: *Aegypius monachus*

CIRI-CIRI

Burung jantan dan betina tidak dapat dibezakan secara fizikal kerana masing masing mempunyai ciri-ciri berikut; bersaiz besar dan perwarnaannya adalah coklat kehitaman yang seragam. Bahagian paruh adalah agak besar berbanding lain-lain spesies hereng, manakala bahagian atas dan belakang kepala berwarna pudar yang kontras dengan bahagian muka dan bahagian depan leher yang berwarna hitam. Bahagian kaki dan tapak kaki pula berwarna putih kekelabuan. Bagi burung juvenil pula, perwarnaannya keseluruhan badan adalah coklat. Bahagian leher mempunyai bulu panjang yang mengurai yang berwarna coklat gelap, demikian juga dengan bahagian belakang dan tongkeng yang mempunyai warna yang serupa. Bahagian kepala dan leher pula diseliputi dengan bulu yang berwarna kehitaman dan bahagian paruh juga berwarna kehitaman. Panjang keseluruhan spesies ini adalah 100 sm-110 sm.

MAKANAN

Ia memakan bangkai haiwan yang mati.

HABITAT

Burung ini boleh dilihat di kawasan terbuka dan kawasan tanah rendah.

BUNYI

Masih belum ada rekod untuk dirujuk.

PEMBIAKAN

Masih belum ada rekod untuk dirujuk.

STATUS

IUCN, hampir terancam.